



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 52
No. 23

10hb November 2008

TAMBAHAN No. 123
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 414.

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

**PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH
(AMERIKA SYARIKAT) 2008**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Amerika Syarikat) 2008**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 22(2) Triti.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, "Triti" ertinya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Kuala Lumpur, Malaysia pada 28 Julai 2006 dan Pertukaran Surat masing-masing bertarikh 24 Julai 2006 daripada Peguam Negara Malaysia dan bertarikh 27 Julai 2006 daripada Peguam Negara Amerika Syarikat yang di bawahnya Amerika Syarikat telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan

3. Amerika Syarikat diisytiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

Pemakaian Akta kepada Amerika Syarikat

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Amerika Syarikat.

Kemasukan Triti dalam Perintah

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

JADUAL
[Perenggan 5]

TRITI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT
MENGENAI BANTUAN BERSAMA UNDANG-UNDANG DALAM
PERKARA JENAYAH

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Amerika Syarikat (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

BERHASRAT untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak dalam penyiasatan jenayah dan dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah melalui kerjasama dan bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah,

TELAH BERSETUJU seperti yang berikut:

PERKARA 1**RUANG LINGKUP BANTUAN**

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah.
2. Bantuan bersama undang-undang yang diberikan mengikut Triti ini hendaklah termasuk:
 - (a) mengambil keterangan, termasuk testimoni, dokumen, rekod dan butiran atau benda, melalui proses kehakiman;
 - (b) mengambil pernyataan suka rela seseorang;
 - (c) membekalkan dokumen, rekod dan butiran atau benda;

- (d) membuat perkiraan untuk orang memberikan keterangan atau bantuan dalam penyiasatan jenayah, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (e) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman;
- (f) melaksanakan penggeledahan dan penyitaan;
- (g) mencari dan mengenal pasti orang atau butiran atau benda dan memeriksa objek dan tempat;
- (h) membekukan dan melucuthakkan aset atau harta dan memungut denda;
- (i) mengenal pasti atau mengesan hasil jenayah dan harta dan peralatan yang didapatkan daripada atau yang digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan; dan
- (j) apa-apa bentuk bantuan lain yang tidak dilarang oleh undang-undang negara yang diminta.

3. Triti ini terpakai semata-mata kepada pemberian bantuan bersama undang-undang antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat atau menghalang kemasukan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan mana-mana permintaan bagi bantuan.

PERKARA 2

PENETAPAN PIHAK BERKUASA PUSAT

1. Setiap Pihak hendaklah menetapkan suatu Pihak Berkuasa Pusat untuk membuat dan menerima permintaan menurut Triti ini. Permintaan daripada Amerika Syarikat hendaklah dikemukakan melalui Kementerian Luar Negeri Malaysia kepada Pihak Berkuasa Pusat Malaysia. Permintaan daripada Malaysia hendaklah dikemukakan melalui Kementerian Luar Negeri Malaysia terus kepada Pihak Berkuasa Pusat Amerika Syarikat.
2. Bagi Malaysia, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau orang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
3. Bagi Amerika Syarikat, Pihak Berkuasa Pusat ialah Peguam Negara atau orang yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
4. Setiap Pihak hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi tentang apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
5. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam perenggan 1, Pihak-Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berkomunikasi secara langsung dengan satu sama lain bagi maksud Triti ini.

PERKARA 3**HAD KE ATAS BANTUAN**

1. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta boleh menolak bantuan jika, pada pendapat Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta—

- (a) permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan politik;
- (b) permintaan itu berkaitan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang jika kesalahan itu telah berlaku di negara yang diminta tidak akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah biasa di negara yang diminta;
- (c) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa, atau menghukum seseorang kerana ras, agama, jantina, keturunan etnik, kerakyatan atau pendapat politik orang itu;
- (d) permintaan itu berkaitan dengan penyiasatan atau pendakwaan seseorang bagi suatu kesalahan dalam hal apabila orang itu telah disabitkan atau dibebaskan oleh suatu mahkamah di negara yang diminta berkenaan dengan kesalahan yang sama;
- (e) permintaan itu berkaitan dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di negara yang diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan terhadap undang-undang negara yang diminta yang boleh dihukum di bawah undang-undang negara itu dengan pelucutan kebebasan selama tempoh satu tahun atau lebih, atau dengan penalti yang lebih berat;
- (f) pelaksanaan permintaan itu akan menjejaskan kedaulatan, keselamatan, ketenteraman awam atau kepentingan utama lain negara yang diminta;
- (g) Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta telah, berkenaan dengan permintaan itu, tidak mematuhi mana-mana terma material Triti ini atau tidak bersetuju dengan syarat munasabah yang dikenakan di bawah perenggan 4 Perkara ini;
- (h) fakta yang menjadi kesalahan yang dengannya permintaan itu berkaitan tidak menunjukkan suatu kesalahan yang cukup berat;
- (i) butiran atau benda yang diminta itu tidak cukup penting kepada penyiasatan itu atau boleh dengan munasabahnya didapati dengan cara lain.

2. Tanpa menjejaskan mana-mana kesalahan lain yang memuaskan kehendak dwi kejenayahan, suatu permintaan yang berhubungan dengan suatu kesalahan yang dikenal pasti dalam Lampiran kepada Triti ini tidak boleh ditolak menurut subperenggan (1)(e) Perkara ini kerana Pihak-Pihak telah menentukan bahawa dwi kejenayahan wujud bagi kesalahan itu. Lampiran kepada Triti ini boleh diubahsuai oleh Pihak-Pihak melalui pertukaran nota.

3. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.

4. Sebelum menolak bantuan menurut Perkara ini, Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah berunding dengan Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta untuk menimbangkan sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat yang didapatinya perlu. Jika Pihak yang meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak yang meminta hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

5. Jika Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta menolak bantuan, Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta tentang alasan penolakan itu.

PERKARA 4

BENTUK PERMINTAAN

Permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis, termasuk, jika boleh, melalui kaedah elektronik yang berupaya menentukan kesahan. Dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera, permintaan boleh dibuat secara lisan atau melalui apa-apa kaedah lain, tetapi dalam hal sedemikian permintaan itu hendaklah disahkan secara bertulis dengan secepat mungkin, tetapi tidak lewat daripada sepuluh hari kemudian daripada itu, melainkan jika Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta bersetuju selainnya.

PERKARA 5

KANDUNGAN PERMINTAAN

1. Suatu permintaan hendaklah mengandungi yang berikut:
 - (a) nama pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan atau prosiding yang dengannya permintaan itu berkaitan;
 - (b) tujuan permintaan dan jenis bantuan yang dikehendaki;
 - (c) suatu perihalan mengenai kesalahan yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk penalti yang terpakai, dan suatu pernyataan mengenai atau teks undang-undang yang berkaitan;
 - (d) suatu perihalan mengenai fakta yang dikatakan menjadikan kesalahan itu; dan
 - (e) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang dikehendaki.
2. Permintaan bagi bantuan hendaklah juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
 - (a) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan dikehendaki;
 - (b) senarai soalan yang hendak dikemukakan kepada saksi;

- (c) identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding jenayah itu, dan cara penyampaian dikehendaki dibuat;
- (d) suatu perihalan yang tepat mengenai tempat atau orang yang hendak digeledah dan mengenai butiran atau benda yang hendak disita;
- (e) maklumat mengenai identiti dan tempat yang disyaki di mana orang yang hendak dicari berada;
- (f) suatu perihalan mengenai harta, aset atau butiran atau benda yang dengannya permintaan itu berkaitan, termasuk identiti dan lokasinya;
- (g) dalam hal permintaan bagi penguatkuasaan suatu perintah pelucuthakan atau apa-apa perintah mahkamah lain, suatu salinan terperaku perintah mahkamah berhubung dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan yang berhubung dengan kemuktamadan perintah itu;
- (h) suatu perihalan mengenai apa-apa tatacara tertentu yang hendaklah diikuti;
- (i) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan permintaan itu dikehendaki;
- (j) apa-apa kehendak khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya; dan
- (k) apa-apa maklumat atau kehendak lain yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu dengan sewajarnya.

3. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dalam bahasa Inggeris.

4. Jika Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu dilaksanakan, Pihak Berkuasa Pusat itu boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat tambahan itu sebagaimana Pihak yang diminta mendapati perlu untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

PERKARA 6

PELAKSANAAN PERMINTAAN

1. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah dengan segera melaksanakan permintaan itu atau, jika wajar, hendaklah mengemukakannya kepada pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa untuk berbuat demikian. Pihak berkuasa berwibawa negara yang diminta hendaklah membuat segala yang dalam kuasanya untuk melaksanakan permintaan itu. Mahkamah di negara yang diminta hendaklah mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sapina, waran geledah atau perintah lain yang diperlukan untuk melaksanakan permintaan itu.

2. Permintaan hendaklah dilaksanakan mengikut undang-undang negara yang diminta kecuali setakat yang diperuntukkan selainnya dalam Triti ini. Tatacara yang ditetapkan dalam permintaan hendaklah diikuti kecuali setakat yang tatacara itu tidak boleh diikuti secara sah di negara yang diminta. Jika Triti dan permintaan tidak menetapkan tatacara khusus, permintaan hendaklah dilaksanakan mengikut tatacara yang bersesuaian di bawah undang-undang yang terpakai bagi penyiasatan atau prosiding jenayah di negara yang diminta.
3. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah mewakili kepentingan Pihak yang meminta atau boleh, jika diminta untuk berbuat demikian, membuat perkiraan lain bagi perwakilan Pihak yang meminta di negara yang diminta dalam mana-mana prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan.
4. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah bergerak balas dalam tempoh yang munasabah kepada pertanyaan yang munasabah oleh Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta berkenaan dengan kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.
5. Jika Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta menentukan bahawa pelaksanaan permintaan akan mengganggu suatu penyiasatan atau prosiding yang sedang berjalan yang berkenaan dengan perkara jenayah di negara itu, Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta boleh menangguhkan pelaksanaan, atau membuat pelaksanaan tertakluk kepada syarat yang ditentukan perlu selepas rundingan dengan Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta. Jika Pihak yang meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat itu, Pihak yang meminta hendaklah mematuhi syarat itu.
6. Jika, pada pendapat Pihak yang diminta, pemberian bantuan menurut sesuatu permintaan berkemungkinan mewujudkan risiko keselamatan yang ketara di negara yang diminta, Pihak-Pihak hendaklah berunding tentang langkah-langkah munasabah untuk menangani kekhawatiran keselamatan itu.
7. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah dengan segera memberitahu Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta tentang hasil pelaksanaan permintaan. Jika pelaksanaan permintaan ditolak, dilengahkan atau ditangguhkan, Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta tentang sebab bagi penolakan, kelengahan atau penangguhan itu.

PERKARA 7

HAD KE ATAS PENGGUNAAN KETERANGAN YANG DIPEROLEH DAN PERLINDUNGAN KERAHSIAAN

1. Pihak yang meminta tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang diminta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang diminta bagi penyiasatan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah selain daripada yang dinyatakan dalam permintaan itu.

2. Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang dinyatakan dalam permintaan, Pihak yang diminta hendaklah memberitahu Pihak yang meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.
3. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta boleh meminta supaya maklumat atau keterangan yang diberikan di bawah Triti ini dirahsiakan atau digunakan hanya tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan olehnya. Jika Pihak yang meminta menerima maklumat atau keterangan itu tertakluk kepada syarat sedemikian, Pihak yang meminta hendaklah menggunakan usaha terbaiknya untuk mematuhi syarat itu.
4. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan atau penzahiran maklumat setakat yang terdapat obligasi untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan negara yang meminta dalam suatu pendakwaan jenayah. Pihak yang meminta hendaklah memberitahu Pihak yang diminta terlebih dahulu mengenai apa-apa penzahiran yang dicadangkan itu.
5. Maklumat atau keterangan, yang kandungannya telah dizahirkan dalam suatu prosiding kehakiman atau pentadbiran umum, boleh kemudian daripada itu digunakan bagi apa-apa maksud.

PERKARA 8

PEMEROLEHAN KETERANGAN

1. Seseorang di negara yang diminta yang daripadanya keterangan diminta menurut Triti ini hendaklah hadir dan memberikan suatu pernyataan, atau testimoni bersumpah atau berikrar, atau mengemukakan dokumen, rekod atau butiran keterangan. Orang itu boleh memberikan keterangan itu secara suka rela atau Pihak yang diminta boleh memaksa testimoni atau pengemukaan keterangan itu, sebagaimana yang perlu.
2. Pihak yang diminta hendaklah, sebagaimana yang perlu, memberi kuasa penggunaan proses paksaan untuk melaksanakan permintaan bagi testimoni atau keterangan untuk digunakan dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah tidak kira sama ada prosiding itu dijalankan dalam suatu mahkamah.
3. Apabila diminta, Pihak yang diminta hendaklah membenarkan kehadiran orang yang dinyatakan dalam permintaan semasa pelaksanaan permintaan dan, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, hendaklah membenarkan orang yang ditetapkan menyoal orang yang memberikan testimoni atau keterangan itu.

4. Keterangan yang telah dikemukakan di negara yang diminta menurut Perkara ini atau yang merupakan subjek testimoni yang diambil di bawah Perkara ini hendaklah, apabila diminta, disahkan, dalam hal permintaan oleh Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia dan dinyatakan dalam permintaan, dan dalam hal permintaan oleh Amerika Syarikat, melalui penggunaan Borang A atau Borang B, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilampirkan kepada Triti ini.

5. Jika seseorang yang dikehendaki untuk memberikan testimoni bersumpah atau berikrar atau mengemukakan dokumen, rekod atau butiran keterangan di bawah Perkara ini menuntut bahawa terdapat hak untuk enggan berbuat demikian di bawah undang-undang negara yang diminta, tuntutan itu hendaklah diputuskan oleh pihak berkuasa negara yang diminta. Jika tuntutan sedemikian dibuat berkenaan suatu hak di bawah undang-undang negara yang meminta, Pihak yang meminta hendaklah, jika diminta sedemikian, membekalkan suatu pernyataan kepada Pihak yang diminta mengenai pandangannya tentang kesahihan tuntutan itu dan sama ada keterangan itu hendaklah walau apa pun diambil dan dimajukan dan tuntutan itu diputuskan oleh pihak berkuasa negara yang meminta.

6. Bagi maksud melaksanakan permintaan bagi pengambilan testimoni, Pihak-Pihak boleh bersetuju mengikut hal keadaan kes untuk menggunakan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara negara yang diminta jika ia adalah suai manfaat dan demi kepentingan keadilan untuk berbuat sedemikian.

PERKARA 9

PEMBEKALAN DOKUMEN YANG TERSEDIA SECARA AWAM DAN REKOD LAIN

1. Pihak yang diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang meminta salinan rekod yang tersedia secara awam, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan di negara yang diminta.

2. Pihak yang diminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membekalkan kepada Pihak yang meminta salinan apa-apa rekod, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, yang dalam milikan jabatan atau agensi kerajaan di negara yang diminta tetapi yang tidak tersedia secara awam. Pihak yang diminta boleh mengikut budi bicaranya menolak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, suatu permintaan menurut perenggan ini.

3. Rekod yang dikemukakan di negara yang diminta menurut Perkara ini hendaklah, apabila diminta, disahkan, dalam hal permintaan oleh Malaysia, sebagaimana yang dikehendaki di bawah undang-undang Malaysia dan dinyatakan dalam permintaan itu, dan dalam hal permintaan oleh Amerika Syarikat, melalui penggunaan Borang C atau Borang D, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dilampirkan kepada Triti ini.

PERKARA 10**KEHADIRAN ORANG DI NEGARA YANG MEMINTA**

1. Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta, menjemput seseorang untuk hadir di negara yang meminta sebagai saksi atau pakar dalam prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah atau untuk membantu dalam penyiasatan dan jika orang itu bersetuju, membantu dalam menguruskan kehadiran orang itu.
2. Pihak yang meminta hendaklah menyatakan takat yang perbelanjaan orang itu akan dibayar. Seseorang yang bersetuju untuk hadir di negara yang meminta boleh meminta Pihak yang meminta untuk mendahulukan wang untuk membayar perbelanjaan itu. Pendahuluan ini boleh diperuntukkan melalui Kedutaan atau Konsulat Pihak yang meminta.
3. Jika seseorang diminta untuk hadir di negara yang meminta, permintaan itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
 - (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang orang itu berhak mendapat;
 - (b) perkiraan bagi keselamatannya, jika ada, semasa orang itu dalam perjalanan ke dan dari negara yang meminta dan semasa orang itu berada di negara yang meminta; dan
 - (c) perkiraan bagi penginapannya, jika ada, semasa orang itu berada di negara yang meminta.

PERKARA 11**KEHADIRAN ORANG DALAM JAGAAN DI NEGARA YANG MEMINTA**

1. Pihak yang diminta boleh, apabila diminta, bersetuju untuk membenarkan seseorang dalam jagaan di negara yang diminta, tertakluk kepada persetujuannya dan jika Pihak-Pihak Berkuasa Pusat bersetuju, dipindahkan secara sementara ke negara yang meminta untuk memberikan keterangan atau untuk membantu dalam penyiasatan.
2. Pihak yang meminta hendaklah menahan orang itu dalam jagaan, melainkan jika dibenarkan selainnya oleh Pihak yang diminta, dan hendaklah mengembalikan orang itu dalam jagaan kepada Pihak yang diminta apabila perkara itu selesai, atau sebaik sahaja hal keadaan mengizinkan atau sebagaimana yang dipersetujui selainnya oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Pusat.
3. Pihak yang meminta tidak boleh menghendaki Pihak yang diminta untuk memulakan prosiding ekstradisi atau apa-apa prosiding lain bagi pengembalian orang yang dipindahkan itu.
4. Tempoh orang itu berada di bawah jagaan Pihak yang meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau tahanannya di negara yang diminta.

PERKARA 12**PERJALANAN SELAMAT**

1. Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta boleh, mengikut budi bicaranya, menentukan bahawa seseorang yang hadir di negara yang meminta menurut Perkara 10 atau 11 tidak boleh tertakluk kepada penyampaian proses atau ditahan atau dikenakan apa-apa sekatan kebebasan diri disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau sabitan yang berlaku sebelum orang itu berlepas dari negara yang diminta. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang Pihak yang meminta daripada menahan seseorang dalam jagaan menurut Perkara 11(2).
2. Perjalanan selamat yang diperuntukkan oleh Perkara ini hendaklah terhenti tujuh hari setelah Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta memberitahu Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta bahawa kehadiran orang itu tidak lagi dikehendaki, atau apabila orang itu, setelah meninggalkan negara yang meminta, telah kembali ke negara itu secara suka rela. Pihak Berkuasa Pusat negara yang meminta boleh, mengikut budi bicaranya, melanjutkan tempoh ini sehingga lima belas hari jika Pihak Berkuasa Pusat itu menentukan bahawa terdapat alasan baik untuk berbuat demikian.

PERKARA 13**PERJALANAN ORANG DALAM JAGAAN**

1. Pihak yang diminta boleh, apabila diminta, membenarkan perjalanan seseorang yang ditahan dalam jagaan oleh Pihak yang meminta atau suatu negara ketiga yang kehadirannya telah diminta oleh Pihak yang meminta dalam sesuatu penyiataan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah melalui wilayahnya.
2. Pihak yang diminta hendaklah mempunyai kuasa dan obligasi untuk menahan orang itu dalam jagaan semasa perjalanan melainkan jika dipersetujui selainnya antara Pihak-Pihak.
3. Jika seseorang ditahan dalam jagaan di negara yang diminta dalam perjalanan dan perjalanan orang itu tidak diteruskan dalam tempoh masa yang munasabah, orang itu boleh dikembalikan ke negara yang darinya orang itu mula-mula dibawa.

PERKARA 14**PENGGELEDAHAN DAN PENYITAAN**

1. Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta, melaksanakan permintaan bagi penggeledahan, penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau butiran atau benda kepada Pihak yang meminta jika permintaan itu termasuk maklumat yang menjustifikasikan tindakan sedemikian di bawah undang-undang negara yang diminta.

2. Pihak Berkuasa Pusat negara yang diminta boleh menghendaki Pihak yang meminta bersetuju dengan terma dan syarat berhubung dengan mana-mana dokumen, rekod atau butiran atau benda yang disita yang dihantar serahkan kepada Pihak yang meminta yang didapati perlu oleh Pihak yang diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau butiran atau benda yang dipindahkan itu.
3. Apabila diminta, tiap-tiap pegawai yang mempunyai jagaan barang yang disita hendaklah memperakui identiti barang itu, kesinambungan jagaan, dan apa-apa perubahan dalam keadaan, dalam hal permintaan oleh Malaysia, sebagaimana yang dinyatakan dalam permintaan itu, dan dalam hal permintaan oleh Amerika Syarikat, melalui penggunaan Borang E yang dilampirkan kepada Triti ini. Tiada perakuan lanjut dikehendaki. Borang itu hendaklah diterima masuk sebagai keterangan di negara yang meminta.

PERKARA 15

MENCARI ATAU MENGENAL PASTI ORANG ATAU BUTIRAN ATAU BENDA

Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk menentukan lokasi atau identiti seseorang atau butiran atau benda yang dinyatakan dalam permintaan itu dan yang dengan semunasabahnya dipercayai berada di dalam wilayahnya.

PERKARA 16

PENYAMPAIAN DOKUMEN

1. Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang berkaitan dengan suatu penyiasatan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang berbangkit di negara yang meminta yang dihantar kepadanya bagi maksud ini oleh Pihak yang meminta.
2. Jika dokumen itu berkenaan dengan sesuatu gerak balas atau kehadiran di negara yang meminta, dokumen itu hendaklah dihantar dalam tempoh masa yang munasabah sebelum gerak balas atau kehadiran yang dijadualkan.
3. Pihak yang diminta hendaklah mengembalikan bukti penyampaian mengikut cara yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak.

PERKARA 17

BANTUAN DALAM PROSIDING PELUCUTHAKAN

1. Pihak yang diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undanganya, berusaha untuk mencari, mengesan, menyekat, membekukan, menyita, melucuthakan atau merampas hasil jenayah dan peralatan jenayah atau mendapatkan penalti kewangan.

2. Sesuatu Pihak yang mengawal harta atau aset yang dilucuthakkan atau dirampas atau penalti kewangan yang didapatkan hendaklah melupuskannya mengikut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak itu boleh memindahkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada harta itu atau hasil penjualannya atau penalti kewangan yang didapatkan kepada Pihak yang satu lagi atas terma yang diterima bersama.
3. Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga *bona fide* hendaklah dihormati.

PERKARA 18

KESESUAIAN DENGAN PERKIRAAN LAIN

Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti, perkiraan, amalan lain atau peruntukan undang-undang negaranya.

PERKARA 19

KOS

1. Pihak yang diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi melaksanakan permintaan bagi bantuan itu, kecuali bahawa Pihak yang meminta hendaklah menanggung—
 - (a) fi peguam lain yang diambil atas permintaan Pihak yang meminta;
 - (b) fi dan perbelanjaan munasabah saksi pakar;
 - (c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian;
 - (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah negara yang diminta dan apa-apa fi, elaun dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada orang itu semasa orang itu berada di negara yang meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 10 atau 11 Triti ini; dan
 - (e) perbelanjaan perjalanan pegawai penjaga atau pegawai pengiring yang dipersetujui antara Pihak-Pihak.
2. Kos menggunakan hubungan video secara langsung atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai hendaklah ditanggung oleh Pihak yang meminta, melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju bersama selainnya.
3. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa sumber, termasuk perbelanjaan, yang bersifat luar biasa atau besar adalah dikehendaki

untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu hendaklah dijalankan atau diteruskan.

PERKARA 20**RUNDINGAN**

1. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berunding, pada masa yang dipersetujui bersama oleh mereka, untuk menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan.
2. Pihak-Pihak Berkuasa Pusat boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

PERKARA 21**PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan melalui saluran diplomatik jika Pihak-Pihak Berkuasa Pusat tidak dapat mencapai penyelesaian selepas tempoh yang munasabah.

PERKARA 22**RATIFIKASI, PERMULAAN KUAT KUASA DAN PENAMATAN**

1. Triti ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi dan surat cara ratifikasi hendaklah ditukar dengan secepat mungkin.
2. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa apabila surat cara ratifikasi ditukar.
3. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya sama ada perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
4. Salah satu Pihak boleh menamatkan Triti ini melalui pemberitahuan bertulis kepada Pihak yang satu lagi. Penamatan hendaklah mula berkuat kuasa enam bulan selepas tarikh pemberitahuan itu.
5. Penamatan Triti ini tidaklah menjejaskan penyempurnaan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKANNYA yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Triti ini.

Dibuat di Kuala Lumpur pada 28 haribulan Julai 2006 dalam dua salinan asal dalam bahasa Inggeris.

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

BAGI KERAJAAN AMERIKA SYARIKAT

DATO' SERI SYED HAMID ALBAR
Menteri Luar Negeri

CONDOLEEZZA RICE
Setiausaha Negara

LAMPIRAN

1. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pemilikan, pemerdagangan, penanaman, pengilangan, import atau eksport dadah berbahaya termasuk narkotik, dan bahan psikotropik, prekursor dan bahan kimia asas yang digunakan dalam pengilangan haram narkotik dan bahan psikotropik.
2. Kegiatan haram, termasuk—
 - (a) menggunakan pendapatan yang didapatkan daripada pola kegiatan jenayah untuk mewujudkan, mengendalikan, atau mendapatkan kepentingan dalam perusahaan yang terlibat dalam atau yang berkaitan dengan perdagangan antara negeri;
 - (b) mendapatkan atau mengekalkan kawalan atas atau kepentingan dalam perusahaan sedemikian melalui pola kegiatan jenayah atau pemungutan hutang haram; atau
 - (c) menjalankan atau terlibat dalam penjalanan hal ehwal perusahaan sedemikian menerusi pola kegiatan jenayah atau pemungutan hutang haram.
3. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pengubahan wang haram, termasuk—
 - (a) tidak membuat atau menyebabkan orang lain tidak membuat kepada Kerajaan laporan yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dibuat berkenaan dengan pemindahan mata wang atau transaksi kewangan lain;
 - (b) mengubahkan, memindahkan atau menerima harta dengan mengetahui bahawa harta itu didapatkan daripada kesalahan jenayah, bagi maksud menyembunyikan atau menyamarkan asal haram harta itu atau untuk membantu mana-mana orang yang terlibat dalam pelakuan kesalahan itu melarikan diri daripada akibat undang-undang tindakannya;

-
- (c) menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar, sumber, lokasi, pelupusan atau pergerakan atau pemilikan harta dengan mengetahui bahawa harta itu didapatkan daripada suatu jenayah; atau
- (d) memiliki atau mengubah hasil yang diperoleh daripada pelakuan mana-mana kesalahan yang berkenaannya bantuan bersama undang-undang boleh diberikan mengikut Triti ini.
4. Penipuan, fraud (terhadap Kerajaan atau individu), memperoleh harta atau kelebihan kewangan melalui penipuan, pengeluaran dengan sengaja cek di bawah nama palsu atau tanpa membuat perkiraan dengan suatu institusi kewangan, atau setelah transaksi telah digantung oleh institusi itu, atau kegagalan dengan sengaja untuk menunaikan cek.
5. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan sekuriti dan perdagangan niaga hadapan, dan amalan sekuriti secara fraud termasuk penggunaan apa-apa cara, secara langsung atau tak langsung, berhubungan dengan penawaran, pembelian atau penjualan mana-mana sekuriti oleh mana-mana orang—
- (a) untuk menggunakan apa-apa alat, skim atau muslihat untuk melakukan fraud;
- (b) untuk dengan sengaja membuat apa-apa pernyataan yang mengelirukan atau membekalkan apa-apa maklumat yang mengelirukan kepada pemegang saham atau pihak berkuasa sekuriti atau pihak lain; atau
- (c) untuk dengan sengaja terlibat dalam apa-apa perbuatan, amalan atau perjalanan perniagaan yang beroperasi atau yang akan beroperasi sebagai fraud atau penipuan terhadap mana-mana orang.
6. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan perniagaan dalaman, termasuk penawaran, pembelian atau penjualan sekuriti oleh mana-mana orang semasa memiliki maklumat bukan awam material yang secara langsung atau tidak langsung berhubungan dengan sekuriti yang ditawarkan, dibeli atau dijual dengan melanggar kewajipan yang mengikat di sisi undang-undang atau amanah atau kepercayaan.
7. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan sogokan dan rasuah, termasuk perbuatan yang melibatkan pegawai awam asing.
8. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan perkara fiskal, cukai atau duti walau pun undang-undang Pihak yang diminta tidak mengenakan cukai atau duti yang sama atau tidak mengandungi cukai, duti atau peraturan kastam yang sama dengan undang-undang Pihak yang meminta, termasuk—
- (a) pengelakan cukai atau fraud fiskal oleh individu atau badan korporat;
- (b) tidak mengemukakan penyata;
- (c) membuat pernyataan palsu atau mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan, sama ada bertulis atau lisan, kepada pihak berkuasa yang berkaitan; atau

- (d) dengan niat tidak membuat laporan atau deklarasi yang dikehendaki oleh undang-undang, kepada pihak berkuasa yang berkaitan dalam perkara berkenaan dengan duti kastam atau cukai.
9. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan alam sekitar, termasuk kelakuan yang ditujukan kepada pemusnahan, pencacatan, pemerosotan atau pemudaratan persekitaran bumi, lautan atau spesies hidupan tumbuhan atau haiwan terancam, termasuk pemilikan haram dan pemerdagangan spesies tumbuhan atau haiwan terancam.
 10. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan kawalan eksport, termasuk kelakuan yang menjurus kepada pengelakan undang-undang yang mengawal pengeksportan barangan atau senjata.
 11. Eksploitasi jenayah kanak-kanak, sama ada bagi maksud seksual atau lain-lain, termasuk—
 - (a) memaksa kanak-kanak dalam pelacuran;
 - (b) urusan komersil dalam pornografi kanak-kanak;
 - (c) memiliki bahan lucah untuk dijual, diedarkan, diagihkan atau disewakan; atau
 - (d) mempamerkan secara umum bahan lucah atau mengagihkan bahan lucah menerusi Internet.
 12. Kesalahan terhadap undang-undang kebangkrapan.
 13. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan perbadanan atau syarikat, termasuk kesalahan yang dilakukan oleh pegawai, pengarah atau penganjur.
 14. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan senjata api, senjata, amunisi atau apa-apa jenis bahan letupan.
 15. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan harta intelek.
 16. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan imigresen dan kerakyatan, termasuk—
 - (a) melindungi pendatang tanpa izin;
 - (b) pemerolehan secara fraud atau pemilikan atau penggunaan secara haram pasport atau visa atau apa-apa cara lain untuk membuat apa-apa bentuk kegiatan jenayah; dan
 - (c) mengatur atau memudahkan kemasukan atau keluar orang secara haram ke dalam atau ke luar bidang kuasa.
 17. Penyeludupan.
 18. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pemindahan wang antarabangsa.

19. Kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan komputer atau sistem komputer, data komputer atau keselamatan komputer (termasuk kata laluan atau alat lain yang berkaitan).
20. Pelanunan melibatkan kapal atau pesawat udara.
21. Menghalang keadilan, termasuk sumpah bohong dan percubaan untuk memutarbalikkan proses keadilan.
22. Kesalahan di bawah konvesyen antarabangsa pelbagai hala yang mengikat kedua-dua Pihak yang baginya pesalah mesti didakwa atau diekstradisikan.
23. Mana-mana kesalahan yang berpunca daripada kelakuan yang diperihalkan dalam Lampiran ini atau tertakluk kepada bantuan bersama undang-undang mengikut Triti ini di mana bidang kuasa persekutuan adalah berdasarkan pengangkutan antara negeri atau penggunaan pos, telekomunikasi atau kemudahan antara negeri lain.
24. Kesalahan komplot jenayah, percubaan, penyertaan atau membantu dan bersubahat dan kesalahan berkomplot yang dilakukan dengan niat bersama dua atau lebih orang.
25. Mana-mana kesalahan di bawah undang-undang negara yang meminta yang berkaitan dengan pelakuan satu atau lebih kesalahan yang berpunca daripada kelakuan yang diperihalkan dalam Lampiran ini atau tertakluk kepada bantuan bersama undang-undang mengikut Triti ini.

BORANG A

PERAKUAN KESAHAN REKOD PERNIAGAAN

Saya, (*nama*), mengaku saksi atas penalti hukuman jenayah bagi pernyataan atau pengakusaksian palsu bahawa saya digaji oleh (*nama perniagaan yang daripadanya dokumen dikehendaki*) dan bahawa nama jawatan rasmi saya ialah (*gelaran jawatan rasmi*). Saya selanjutnya menyatakan bahawa setiap rekod yang dilampirkan bersama-sama ini adalah salinan asal atau pendua rekod asal yang dalam jagaan (*nama perniagaan yang daripadanya dokumen dikehendaki*).

Saya selanjutnya menyatakan bahawa:

- A) rekod tersebut telah dibuat, pada atau hampir pada masa berlakunya perkara yang dinyatakan, oleh (atau daripada maklumat yang dihantar oleh) seseorang yang mempunyai pengetahuan mengenai perkara itu;
- B) rekod itu telah disimpan dalam proses kegiatan perniagaan yang dikendalikan secara lazimnya;
- C) kegiatan perniagaan itu telah membuat rekod tersebut sebagai suatu amalan lazim; dan

D) jika mana-mana rekod itu bukan salinan asal, rekod itu ialah pendua salinan asal itu.

.....
(*tandatangan*)

.....
(*tarikh*)

Bersumpah atau diikrarkan di hadapan saya, (*nama*), seorang pegawai kehakiman, pada haribulan 20

BORANG B

PERAKUAN KETIADAAN ATAU KETIDAKWUJUDAN REKOD PERNIAGAAN

Saya, (*nama*), mengaku saksi atas penalti hukuman jenayah bagi pernyataan atau pengakusaksian palsu bahawa saya digaji oleh/ berkaitan dengan (*nama perniagaan yang daripadanya dokumen dikehendaki*) dalam jawatan (*kedudukan dalam perniagaan atau gelaran*) dan oleh sebab kedudukan saya dan saya diberi kuasa dan layak untuk membuat pengakusaksian ini.

Berdasarkan penggajian/kaitan saya dengan perniagaan yang dinamakan di atas, saya tahu benar tentang rekod perniagaan yang disenggarakannya. Perniagaan itu menyenggarakan rekod yang:

- A) dibuat, pada atau hampir pada masa berlakunya perkara yang dinyatakan, oleh (atau daripada maklumat yang dihantar oleh) seseorang yang mempunyai pengetahuan mengenai perkara itu;
- B) disimpan dalam proses kegiatan perniagaan yang dikendalikan secara lazimnya; dan
- C) dibuat oleh perniagaan itu sebagai suatu amalan lazim.

Antara rekod yang disenggarakan adalah rekod individu dan entiti yang mempunyai akaun atau selainnya menjalankan perniagaan dengan perniagaan yang dinamakan di atas. Saya telah membuat atau menyebabkan supaya dibuat suatu carian terperinci rekod itu. Tiada rekod telah dijumpai yang menggambarkan apa-apa kegiatan perniagaan antara perniagaan itu dan individu dan entiti yang berikut:

.....
.....
.....

.....
(*tarikh pelaksanaan*)

.....
(*tempat pelaksanaan*)

.....
(*tandatangan*)

BORANG C

Saya, (*nama*), mengaku saksi atas penalti hukuman jenayah bagi pernyataan atau pengakuan palsu bahawa kedudukan saya dengan Kerajaan (*negara*) adalah (*gelaran jawatan rasmi*) dan bahawa dalam kedudukan itu saya diberi kuasa oleh undang-undang (*negara*) untuk mengaku saksi bahawa dokumen yang dilampirkan dan diperihalkan di bawah adalah salinan benar dan tepat rekod rasmi asal yang direkodkan atau difailkan di (*nama pejabat atau agensi*), yang merupakan pejabat atau agensi kerajaan (*negara*).

Perihal Dokumen:

.....
(*tandatangan*)

.....
(*gelaran jawatan*)

.....
(*tarikh*)

BORANG D

Saya, (*nama*), mengaku saksi atas penalti hukuman jenayah bagi pernyataan atau pengakuan palsu bahawa:

1. (*nama pejabat atau agensi*) merupakan suatu pejabat atau agensi kerajaan (*negara*) dan diberi kuasa oleh undang-undang untuk menyenggarakan rekod rasmi yang menyatakan perkara yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk dilaporkan dan direkodkan atau difailkan;
2. jenis rekod yang diperihalkan di bawah menyatakan perkara yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk dilaporkan dan direkodkan atau difailkan, dan perkara itu lazimnya direkodkan atau difailkan oleh pihak berkuasa awam yang dinamakan di atas;
3. kedudukan saya dengan pihak berkuasa awam yang dinamakan di atas ialah (*gelaran jawatan rasmi*);

4. dalam kapasiti rasmi saya, saya telah menyebabkan supaya dikemukakan salinan rekod yang benar dan tepat yang disenggarakan oleh pihak berkuasa awam itu; dan

5. tiada rekod sedemikian telah didapati wujud di situ.

Perihaln Dokumen:

.....
(*tandatangan*)

.....
(*tarikh*)

Meterai Rasmi

BORANG E

Saya, (*nama*), mengaku saksi atas penalti hukuman jenayah bagi pernyataan atau pengakusaksian palsu bahawa kedudukan saya dengan Kerajaan (*negara*) adalah (*gelaran jawatan rasmi*). Saya telah menerima jagaan barang yang disenaraikan di bawah daripada (*nama orang*) pada (*tarikh*), di (*tempat*) dalam keadaan yang sama seperti bila saya menerimanya (atau, jika berbeza, sebagaimana yang dicatatkan di bawah).

Perihaln Barang:

Perubahan dalam keadaan semasa dalam jagaan saya:

..... (*tandatangan*)

..... (*gelaran jawatan*)

Meterai Rasmi

.....(*tempat*)

.....(*tarikh*)

**Pertukaran Surat antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika
Syarikat mengenai Triti mengenai Bantuan Bersama Undang-Undang
dalam Perkara Jenayah**

Surat dari Malaysia

24 Julai 2006

Yang Berbahagia Alberto R. Gonzales
Peguaan Negara Amerika Syarikat
Pejabat Peguaan Negara
Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat
950 Pennsylvania Avenue, NW
Washington D.C. 20530-0001
AMERIKA SYARIKAT.

Peguaan Negara Gonzales,

Sukacita saya menulis kepada anda mengenai rundingan yang diselesaikan baru-baru ini mengenai Triti antara Kerajaan-Kerajaan kami mengenai bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah.

Sebagaimana yang anda sedia maklum, pusingan ketiga rundingan mengenai draf Triti itu telah diadakan dari 21 Februari 2006 hingga 25 Februari 2006 di Kota Kinabalu, Malaysia di mana rundingan itu telah dijalankan dalam suasana mesra dan dengan semangat persefahaman dan kerjasama bersama. Delegasi-delegasi itu telah membincangkan perkara-perkara draf Triti dan berjaya mencapai persetujuan atas kesemua perkara dalam Triti itu. Saya menulis dengan tujuan untuk mendapatkan pengesahan persefahaman bersama kami mengenai beberapa Perkara-Perkara itu.

Perkara 1(1) Triti menyatakan bahawa "Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah." Ini mewujudkan suatu obligasi antarabangsa untuk memberikan bantuan sedemikian. Adalah menjadi kefahaman saya bahawa obligasi ini akan dilaksanakan oleh setiap Pihak menurut terma Triti dan dengan mematuhi undang-undang domestiknya.

Sebagai tambahan, Perkara 7(4) Triti menyatakan bahawa "Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan atau penzahiran maklumat setakat yang terdapat obligasi untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan negara yang meminta dalam suatu pendakwaan jenayah. Pihak yang meminta hendaklah memberitahu Pihak yang diminta terlebih dahulu mengenai apa-apa penzahiran yang dicadangkan itu." Saya memahami bahawa ini secara khususnya merujuk kepada obligasi Amerika Syarikat di bawah Perlembagaannya untuk menzahirkan maklumat yang membebaskan daripada tuduhan.

Saya amat menghargai pengesahan anda bahawa anda berkongsi kefahaman ini mengenai Perkara-Perkara tersebut dengan secepat mungkin. Saya mengalu-alukan pemuktamadan Triti itu.

Yang benar,

TAN SRI ABDUL GANI PATAIL
Peguaan Negara

Surat dari Amerika Syarikat

Julai 27, 2006

Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Gani Patail
Pegum Negara Malaysia
Jabatan Pegum Negara
Aras 8 Blok C3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62512 Putrajaya
MALAYSIA.

Pegum Negara Abdul Gani Patail,

Dengan sukacitanya saya mengaku terima surat anda mengenai kefahaman anda mengenai beberapa Perkara dalam Triti antara Kerajaan-Kerajaan kami mengenai bantuan bersama undang-undang dalam perkara jenayah yang berhubungannya rundingan baru diselesaikan. Saya menulis dengan tujuan untuk mengesahkan bahawa saya berkongsi kefahaman anda.

Secara khususnya, Perkara 1(1) Triti menyatakan bahawa “Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama undang-undang yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan dan prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah.” Ini mewujudkan suatu obligasi antarabangsa untuk memberikan bantuan sedemikian. Adalah menjadi kefahaman saya bahawa obligasi ini akan dilaksanakan oleh setiap Pihak menurut terma Triti dan dengan mematuhi undang-undang domestiknya.

Sebagai tambahan, Perkara 7(4) Triti menyatakan bahawa “Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan atau penzahiran maklumat setakat yang terdapat obligasi untuk berbuat demikian di bawah Perlembagaan negara yang meminta dalam suatu pendakwaan jenayah. Pihak yang meminta hendaklah memberitahu Pihak yang diminta terlebih dahulu mengenai apa-apa penzahiran yang dicadangkan itu.” Saya memahami bahawa ini secara khususnya merujuk kepada obligasi Amerika Syarikat di bawah Perlembagaannya untuk menzahirkan maklumat yang membebaskan daripada tuduhan.

Saya menghargai semangat kerjasama yang dalamnya anda dan pasukan anda menjalankan rundingan bagi pihak Kerajaan Malaysia. Saya juga mengalu-alukan pemuktamadan Triti itu.

Yang benar,

ALBERTO R. GONZALES
Pegum Negara

Dibuat 14 Oktober 2008
[JPN(R)152/185/29/6 Jld. 8; PN(PU²)628/IV]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

